



Orang ramai menyaksikan Perutusan Negara oleh Anwar di Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto BERNAMA)

Perutusan Negara Perdana Menteri

Kerajaan serius angkat martabat rakyat, negara

PM beri penjelasan, pencerahan komitmen yang sudah, sedang dan akan dilaksana

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas 18 bulan menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim malam kelmarin mengambil tanggungjawab memberi penjelasan dan pencerahan kepada rakyat apa yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan kerajaan.

Dalam Perutusan Negara

yang disiarkan semua media utama Malaysia, Anwar mengambil masa hampir satu jam untuk menyampaikan pelbagai mesej penting bersama jaminan beliau serta kerajaan serius serta berkomitmen tinggi untuk mengangkat martabat rakyat serta negara.

Perinci pencapaian

Antara lain, Perdana Menteri mengulas dan memperincikan pencapaian serta hala tuju ekonomi, kelemahan tata kelola dan amalan rasuah, isu kemiskinan serta komitmen kerajaan untuk meningkatkan gaji rakyat ke tahap lebih bermakna.

Beliau juga menyentuh hal berkaitan ekosistem perniagaan, merungkai kelemahan struktur fiskal Malaysia, menjelaskan rancangan strategik negara, mengulas isu berkaitan subsidi, selain mengenai isu keselamatan dan ketenteraman awam.

8 AMANAT PERUTUSAN NEGARA OLEH PERDANA MENTERI

1. PENCAPAIAN EKONOMI MEMBERANGSKAN

- **Pencapaian suku pertama 2024:**
 - Pertumbuhan ekonomi 4.2 peratus
 - Pasaran buruh berkembang 2.1 peratus
 - Kadar inflasi kekal rendah pada 17 peratus
 - Potensi pelaburan asing RM76.1 bilion
- **Jumlah dagangan Malaysia berkembang 8.3 peratus kepada RM912.27 bil (Januari - April 2024)**
- **Pelaburan langsung RM329.5 bilion tertinggi diluluskan pada 2023, 23 peratus meningkat berbanding 2022.**
- **Hala tuju ekonomi:**
 - Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat landasan utama perbetul masalah struktural ekonomi negara
 - Tumpu tingkat pemacuan ekonomi, galak pelaburan dan perkukuh industri tempatan
 - Dasar bermatlamat naikkan lantai dan siling atau angkat darjat hidup rakyat serta struktur semula ekonomi, lonjak Malaysia jaguh rantau Asia

3. TUMPUAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

- **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dilaksana bagi menambah pendapatan miskin tegar**
- **Peruntukan SARA dinaikkan RM700 juta kepada 700,000 penerima, nilai bantuan ditambah RM1,200 berbanding RM600**
- **Peruntukan STR dinaikkan daripada RM8 bilion (2023) kepada RM10 bilion (2024), memanfaatkan 9 juta penerima**

5. TAMBAH BAIK EKOSISTEM PERNIAGAAN

- **Bidang berpertumbuhan dan bernilai tinggi (HGHV) diberi keutamaan dalam meraih lebih banyak pelaburan**
- **Ekosistem perniagaan diperluas dan ditambah baik, antaranya kluster elektrik dan elektronik (E&E) di wilayah utara dan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura di Johor dan di Kerian, Perak**
- **Dasar peralihan tenaga merencanakan pembukaan industri tenaga boleh baharu sebagai persediaan Malaysia ke arah penggunaan tenaga bersih**

6. MERUNGKAI KELEMAHAN STRUKTUR FISKAL NEGARA

- **Tiga masalah fiskal perlu diselesaikan - asas hasil kecil; perbelanjaan tidak berhemat dan bebanan hutang**
- **Komitmen laksana reformasi fiskal melalui penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) menyasarkan penurunan paras hutang untuk tidak melebihi 60 peratus KDNK dan defisit fiskal tiga peratus dalam jangka masa sederhana.**
- **Memperluas asas hasil melalui reformasi percukaian yang tidak membebaskan dan bersifat progresif.**
- **Cukai Barang Bernilai Rendah, Cukai Keuntungan Modal Bagi Saham Tidak Tersenarai dan penambahbaikan kepada Cukai Perkhidmatan diperkenalkan, dengan unjuran peningkatan hasil cukai negara RM4.5 bilion.**

8. MENANGANI ISU KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

- **Tindakan mengeruhkan suasana aman dan ketenteraman awam perlu kembali tenang, terkawal**
- **Jaminan pasukan keselamatan bertindak keras terhadap gerombolan sengaja cetus ketidakamanan dan ganggu ketenteraman negara**



2. KELEMAHAN TATAKELOLA DAN RASUAH SISTEMIK

- **Noktah amalan rundingan terus dalam perolehan kerajaan, beralih kepada sistem tender terbuka**
- **Kerajaan tak masuk campur proses kehakiman, beri ruang penuh PDRM dan SPRM banteras rasuah, ketirisan hasil negara**
- **Peranan Jabatan Audit Negara diperkasa supaya tatakelola perkhidmatan awam dapat ditambah baik.**



4. MENINGKATKAN GAJI RAKYAT KE TAHAP LEBIH BERMAKNA

- **Tingkat kemahiran bakat tempatan supaya gaji diraih lebih munasabah**
- **Pelan induk perindustrian sasar pendapatan bulanan pekerja industri pembuatan meningkat minimum RM4,500 menjelang 2030**
- **Kerjasama dilaksana dengan gergasi industri dalam menstruktur semua pendidikan TVET. Agenda Kecerdasan Buatan (AI) diberi keutamaan melalui penubuhan fakulti AI pertama negara**
- **Khazanah Nasional Berhad gerakkan usaha lahir usahawan baharu sektor berpertumbuhan tinggi dengan dana RM1 bilion**
- **Gaji dan elaun tetap penjawat awam ditambah baik setelah belasan tahun tidak disemak**
- **Serius menggubal Dasar Gaji Progresif**

7. PENYASARAN SUBSIDI

- **Penjimatan RM4 bilion hasil penyasaran subsidi mengikut penggunaan elektrik, dengan 85 peratus rakyat tidak terjejas**
- **Harga ayam diapungkan dan tidak lagi disubsidi, kerajaan jimat RM100 juta sebulan**
- **Penyasaran subsidi diesel akan dilaksanakan dengan jangkaan penjimatan RM4 bilion setahun, hanya babitkan pengguna di Semenanjung Malaysia**